

**Penjawat Awam Lebih Memahami Masyarakat India Menerusi Konsep 1Malaysia  
Bernama  
20 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden MIC Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata hari ini penjawat awam sekarang lebih memahami masalah masyarakat India dengan adanya konsep 1Malaysia.

Beliau berkata menerusi konsep tersebut yang diperkenalkan kerajaan, penjawat awam semakin dapat menghayati slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang sentiasa ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Hasilnya penjawat awam kini dapat mengendalikan isu-isu sensitif yang melibatkan kaum India," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Mesra Rakyat 1Malaysia di SRJK (T) Jalan Bangsar di sini.

Dr Subramiam yang juga Menteri Sumber Manusia berkata sebagai contoh walaupun majoriti pejawat awam terdiri orang Melayu, namun sejak konsep 1Malaysia itu diperkenalkan mereka mula memahami dan tahu bagaimana mengendalikan isu sensitif seperti masalah kuil yang melibatkan masyarakat India.

"Ia (1Malaysia) bukan sekadar satu konsep yang melibatkan peringkat pucuk pimpinan sahaja, tetapi selepas diadakan beberapa program kakitangan kerajaan sudah mula memahami permasalahan kaum India," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667395>